**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**

**TARIKH : 03/01/2013**

**MS : 21**

UM 3/1/12 MS 21

## Kaum Cina, India semakin berminat sertai sektor perkhidmatan awam

# Permohonan naik mendadak

Oleh NAZMIL NASIRUDDIN
pengarang@utusan.com.my



**PUTRAJAYA** 2 Jan. - Berlaku peningkatan mendadak terhadap permohonan kaum Cina dan India memasuki sektor perkhidmatan awam dalam tempoh Jun hingga Disember tahun lepas berbanding sekitar dua peratus sahaja pada tempoh sama tahun sebelumnya.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Tan Sri Mahmood Adam (**gambar**) berkata, peningkatan itu mewakili sebanyak 77 peratus kaum Cina dan 79 peratus kaum India daripada jumlah keseluruhan permohonan sebanyak 814,659 sepanjang tahun lalu.

Katanya, bagi kaum Melayu pula peningkatan yang direkodkan adalah sebanyak 63 peratus manakala lain-lain kaum termasuk bumiputera Sabah dan Sarawak meningkat sebanyak 77 peratus.

"Peningkatan itu hasil inisiatif kerjasama SPA dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan beberapa persatuan dalam jawatankuasa khas menarik minat orang ramai menyertai perkhidmatan awam," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Menurut Mahmood, jawatankuasa khas itu sentiasa melakukan penambahbaikan melalui termasuk memperluaskan program seminar sedia ada ke sekolah dan institut pengajian tinggi (IPT).

Sementara itu, beliau berkata, sebanyak 47,335 lantikan baru dibuat pada tahun lepas melibatkan seramai 33,427 Melayu; 2,630 Cina; 2,354 India dan 8,924 lain-lain kaum termasuk Bumiputera Sabah serta Sarawak.

Pada masa sama, katanya, pihaknya turut mengendalikan beberapa bidang tugas sepanjang tahun lepas termasuk 43 kali Mesyuarat Suruhanjaya yang melibatkan sebanyak 631, 692 pendaftaran baru.

"Selain itu, tugasan dijalankan membabitkan sebanyak 23,436 pengesahan pelantikan; 33,547 pengesahan dalam perkhidmatan; dan 31,645 pemberian taraf pencen.

"SPA turut mengendalikan sebanyak 132 kes tindakan tatatertib; 563 kes rayuan tatatertib dan 73 kes rayuan naik pangkat," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pecahan kes tindakan tatatertib membabitkan sebanyak 102 kes tidak hadir bertugas; 12 kes sabitan mahkamah; dan 18 kes tatakelakuan.

"Bagi kes rayuan tatatertib pula melibatkan 313 kes tidak hadir bertugas; 55 kes sabitan mahkamah dan 195 kes tatakelakuan," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 03/01/2012

MS : 02



# Kaum Cina, India minat sektor awam

» *Permohonan catat kadar tertinggi dalam sejarah*



*"11,848 permohonan diterima daripada kaum Cina dan 21,481 permohonan daripada kaum India, berbanding masing-masing hanya 6,697 dan 12,009 permohonan dalam tempoh sama tahun lalu"*

***Mahmood Adam,*** *Pengerusi SPA*

**Oleh Zanariah Abd Mutalib**
zanariah@bharian.com.my

**Putrajaya**

Permohonan kaum Cina dan India untuk menyertai sektor awam mencatat peningkatan tertinggi dalam sejarah, masing-masing 77 peratus dan 79 peratus bagi tempoh enam bulan terakhir tahun lalu.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Tan Sri Mahmood Adam, berkata 11,848 permohonan diterima daripada kaum Cina dan 21,481 permohonan daripada kaum India, berbanding masing-masing hanya 6,697 dan 12,009 permohonan dalam tempoh sama tahun lalu.

"Jumlah ini peningkatan yang begitu tinggi dan mendadak kerana sebelum ini, purata permohonan daripada mereka hanyalah dua peratus, iaitu kira-kira 20,000 setahun.

**Hasil kerjasama**

"Ini hasil kerjasama kita dengan persatuan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu mewakili kaum berkenaan selain dengan NGO kaum Dayak dan Kelantan sejak Jun lalu melalui siri jelajah SPA.

"Kita juga membuka kaunter mingguan untuk bersemuka dengan mereka, mengaturkan mesyuarat khas dan menyiarkan makluman jawatan kosong di akhbar Cina serta Tamil," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Mahmood berkata, sebanyak 631,692 permohonan baru diterima antara Jun hingga Disember tahun lalu, termasuk 495,015 permohonan kaum Melayu dan 103,348 permohonan lain-lain kaum, termasuk Bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Katanya, jumlah itu menunjukkan peningkatan 247,341 permohonan berbanding tempoh sama pada 2011 iaitu pertambahan 192,867 permohonan (63 peratus) bagi kaum Melayu dan 45,002 (77 peratus) bagi lain-lain kaum.

**SPA kaji inisiatif baru**

Mahmood berkata 814,659 calon mendaftar dengan SPA untuk menyertai perkhidmatan awam tahun lalu dengan tempoh sah laku pendaftaran itu selama lima tahun berbanding hanya setahun sebelum ini.

Beliau berkata, minat kaum Cina yang sebelum ini lebih bertumpu kepada mengisi jawatan dalam kumpulan A, iaitu pengurusan atau profesional dan ke atas, kini menunjukkan peningkatan untuk permohonan jawatan dalam pelbagai gred lain.

Mahmood berkata, SPA juga akan mengkaji inisiatif baru untuk terus menarik pemohon dari kalangan bukan Melayu untuk menyertai perkhidmatan awam, selain meneruskan program sedia ada.

**Jumlah lantikan**

Beliau juga berkata, 47,335 lantikan baru dilaksanakan tahun lalu, peningkatan 17,718 lantikan berbanding 2011 manakala 23,436 kakitangan mendapat pengesahan pelantikan, 33,547 menerima pengesahan dalam perkhidmatan dan 31,645 diberi taraf pencen.

Bagi tindakan tata tertib pula, Mahmood berkata, 132 kes dicatatkan sepanjang tahun lalu termasuk kerana tidak hadir bertugas, sabitan mahkamah dan tata kelakuan manakala 563 kes didaftarkan bagi rayuan tata tertib.

**FAKTA NOMBOR**

**Lantikan mengikut kaum 2012**

**33,427** orang
Melayu

**2,630** orang
Cina

**2,354** orang
India

**8,924** orang
Lain-lain kaum (termasuk Bumiputera Sabah dan Sarawak)

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 03/01/2013

MS : 22

Harian Metro

03/01/2013 M/S 22



MAHMOOD...102 kes tidak hadir bertugas

# 132 kes tatatertib penjawat awam

PUTRAJAYA: Sepanjang tahun lalu 132 kes tatatertib membabitkan penjawat awam sudah diambil tindakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) termasuk dipecat.

Daripada jumlah itu, tidak hadir bertugas menjadi kesalahan paling banyak dilakukan penjawat awam iaitu 102 kes diikuti tatakelakuan (18 kes) dan sabitan mahkamah (12 kes).

Pengerusi SPA, Tan Sri Mahmood Adam berkata, bagi sabitan mahkamah, antara kes di bawah perkara berkenaan ialah penjawat awam itu dipenjara melebihi dua tahun kerana melakukan pelbagai kesalahan jenayah termasuk dadah.

AKHBAR : THE MALAY MAIL

TARIKH : 03/01/2013

MS : 02

the malay mail
3/1/2013 P.2

PUTRAJAYA

# 70 pc more non-Malays apply to join civil service

INTEREST among non-Malays to join the civil service increased by 70 per cent from June to December, compared with the same period in 2011, said Public Service Commission (PSC) chairman Tan Sri Mahmood Adam.

He said 21,481 applications were received from Indian applicants, which was a 79 per cent increase compared with the 12,009 applications received during the same period in 2011.

A total of 11,848 applications were received from Chinese applicants, an increase of 77 per cent when compared to the 6,697 applications received previously.

"The increase is due to the concerted effort of the various committees that were formed to attract the interest of other races to apply for jobs in the civil service," he said.

Mahmood Adam said 814,659 applicants, looking for jobs in the public service, had registered with the PSC last year and their application would be valid for five years, compared with just a year in the past.

He said 47,335 applicants were employed throughout last year comprising 33,427 Malays, 2,630 Chinese, 2,354 Indians and 8,924 others, including bumiputras from Sabah and Sarawak. — Bernama

AKHBAR : NEWS STRAITS TIMES

TARIKH : 03/01/2013

MS : 02

NST 03/01/2013 ~~M/S~~ PAGE 2

# Non-Malays rush to join civil service

**PSC SUCCESS:** The setting up of four task forces pays off

AISYAH SULAIMAN
PUTRAJAYA
aisyahs@nst.com.my

EFFORTS by the Public Services Commission (PSC) to increase the number of non-Malays in the public sector have proven to be a rousing success with more than 136,000 applications pouring in from them last year.

The number of Chinese and Indians applying for posts increased from two per cent at the beginning of last year to a whopping 77 and 79 per cent respectively over the past six months.

PSC chairman Tan Sri Mahmood Adam said yesterday the sudden deluge in applications was due to efforts by four task forces set up in June to garner more interest from the non-Malays, specifically the Chinese, Indians, Kelantanese and Dayaks in Sarawak.

There were 11,848 applications from the Chinese during the final six months of last year (compared with 6,697 during the same period the previous year), 21,481 from Indians (12,009) and 103,348 from others (58,346).

Mahmood said more than 800,000 applications were received last year, with 47,335 appointed, including 33,427 Malays, 2,630 Chinese, 2,354 Indians and 8,924 others. In 2011, 20,976 Malays were appointed, followed by 2,365 Chinese, 1,581 Indians and 4,625 others.

Mahmood said PSC had noticed Chinese candidates wanted immediate job offers after graduation and preferred non-clerical posts.

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 03/01/2013

MS : 4

THE STAR 03/01/2013 PAGE 4

# Other races show interest

## More non-Malays keen to join civil service

By LEE YEN MUN
yenmun@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** More non-Malays have shown interest in joining the civil service, according to statistics compiled by the Public Service Commission (PSC).

Malaysian Chinese applicants increased by 77% between June and December last year, compared with the same period in 2011, while applications from the Indian community went up by 79%.

There were 11,848 job applications received from the Chinese community in the second half of last year and 21,481 from the Indians.

This represented a giant leap in the interest shown by non-Malays in the civil service, which previously only made some 2% increase on average in the applications yearly, said PSC chairman Tan Sri Mahmood Adam.

Of the number, 2,630 Chinese successfully obtained job offers from the PSC, likewise for 2,354 applicants from the Indian community.

A total of 631,692 applications were received across the board in that period, with the Malays making the largest share at 495,015 applications.



**Positive response:** Mahmood at the press conference in Putrajaya. He says there is a giant leap in the interest shown by non-Malays in the civil service.




"Other races, including the ethnicities of Sabah and Sarawak, also showed an encouraging response, jumping from 58,346 to 103,348 applications.

"All these are a result of our recent efforts to engage the various ethnicities through roadshows, advertisements in the media and even seminars to guide them in applying for a job in the public sector," he told a press conference yesterday.

On the response shown by the Chinese community towards job opportunities in the Government, Mahmood said the commission's records showed that many Chinese preferred higher positions requiring university qualifications.

They were not interested in clerical positions which formed the largest number of job offers, he said.

"We don't find this a problem with the other races. There is nothing wrong with this, perhaps it's just a common perception among the (Chinese) community," he said.

He also reiterated the importance of the six principles of work laid out by Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak, especially for those hoping to land a job in the public sector.

They are represented by the acronyms CTI, which stands for *cepat*, *tepat* dan *integriti* (swift, accurate and integrity) and PCI or *produktiviti*, *kreativiti* dan *inovasi* (productivity, creativity and innovation).

The principles of CTI and PCI were part of the Government Transformation Programme to produce greater efficiency in the delivery of public service.

"At PSC, we will also examine a person's sense of loyalty to the organisation, integrity, their positive mindset and whether they can be team players," added Mahmood.